

CNS9364

R GB 07-02 00193 BA465

bah

Akhbar - Lawatan

TAHAP BARU HUBUNGAN KL-MANILA MENGUNTUNGGKAN RANTAU

SINGAPURA, 7 Feb (Bernama) -- Lembaran baru dalam hubungan Malaysia dan Filipina ekoran lawatan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menguntungkan rantau ini, menurut sebuah akhbar harian Singapura hari ini.

Lawatan Dr Mahathir itu dan sambutan hangat yang diberikan oleh Filipina menjadi petanda bahawa kedua-dua negara mahu melihat ke depan dan meningkatkan tahap hubungan ke peringkat lebih tinggi.

"Ini tentunya satu sikap positif kerana ia akan menguntungkan bukan sahaja kedua-dua negara itu malah rantau ini juga," kata rencana pengarang Berita Harian.

Akhbar itu menyatakan semangat baru yang ditunjukkan Dr Mahathir dan Presiden Fidel Ramos itu berlaku ketika rantau ini sedang berkembang pesat daripada segi ekonomi.

Oleh kerana itu tumpuan yang lebih menjurus kepada aspek kerjasama ekonomi, yang diberikan oleh Dr Mahathir dan rombongan dalam lawatannya ke Filipina, adalah bertepatan, katanya.

Menurut akhbar berkenaan, walaupun lembaran itu telah mula tersingkap apabila Presiden Ramos melawat Malaysia tahun lepas, ia menjadi lebih bermakna dengan lawatan balas Dr Mahathir kerana beliau menjadi Perdana Menteri Malaysia yang pertama melawat Filipina. -- Lagi.

▼07/02/13-00MST

CNS9366

R GB 07-02 00191 BA466

bah

Akhbar - Lawatan 2 (Akhir) Singapura

Katanya, Malaysia dan Filipina tidak seharusnya membiarkan isu tuntutan Sabah mengganggu hubungan mereka, sebaliknya hendaklah mencari titik-titik pertemuan.

Bidang ekonomi menawarkan titik pertemuan yang banyak kepada kedua-dua negara berjiran itu kerana mereka dapat melakukan kerjasama dan hasilnya kelak dapat dikongsi bersama oleh rakyat kedua-dua negara.

Dengan jalinan ekonomi yang lebih teguh dan semangat kerjasama yang lebih tebal, isu Sabah itu tentunya dapat diselesaikan dengan lebih segera dan dengan cara yang lebih dapat diterima oleh kedua-dua belah pihak.

"Masalah 'tuntutan' seperti ini bukanlah sesuatu yang unik dihadapi oleh Malaysia dan Filipina kerana masalah yang sama dihadapi oleh Singapura-Malaysia, dan Indonesia-Malaysia, sekadar untuk memberikan contoh," kata rencana itu.

Malah ia dapat dianggap sebagai 'masalah biasa' bagi negara-negara yang berjiran.

"Bagaimanapun diharapkan negara-negara Asean yang menghadapi masalah ini dapat melahirkan satu 'formula Asean' yang diadun daripada semangat kesepakatan Asean, yang dapat menjadi contoh kepada negara-negara lain yang menghadapi masalah yang sama," katanya.

Malaysia dan Filipina mungkin dapat menjadi perintisnya berhubung dengan isu tuntutan terhadap Sabah, kata akhbar itu. -- Bernama

AZZ NHO

▼07/02/13-02MST